



**TATACARA PENGURUSAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PdP),  
PENGURUSAN ASRAMA DAN PENGURUSAN KELUAR MASUK KAMPUS POLITEKNIK  
KUCHING SARAWAK (PKS) MULAI 4 OKTOBER 2020 SEHINGGA 18 OKTOBER 2020**

Jawatankuasa Khas Kawalan Wabak Covid-19 PKS telah memutuskan beberapa perkara seperti di bawah bagi melancarkan operasi Politeknik Kuching Sarawak bermula 4 Oktober 2020 sehingga 18 Oktober 2020 :

**(i) Pengurusan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)**

- a) Pembelajaran teori bagi pelajar Semester 1, 2, 3, 4 dan 5 bagi semua jabatan adalah secara dalam talian sehingga tamat Sesi PdP bagi Jun 2020.
- b) Perjumpaan secara bersemuka pelajar Semester 1, 4, dan 5 bagi aktiviti praktikal/amali/kokurikulum/projek akhir adalah dibenarkan tetapi wajib mematuhi Prosedur Operasi Standard PKS yang telah dikeluarkan sebelum ini.
- c) Sesi PdP bagi pelajar Semester 1, 4 dan 5 yang terkandas (di Sabah/Labuan/Semenanjung/atau mana-mana Zon Merah) hendaklah diselaras dan diteruskan mengikut kaedah yang bersesuaian tanpa ada pengecualian.

**(ii) Pengurusan Kolej Kediaman Desa Serapi**

- a) Penghuni Kolej Kediaman Desa Serapi **TIDAK DIBENARKAN** keluar mulai 4 Oktober sehingga 18 Oktober 2020.
- b) Pelajar yang perlu keluar bagi urusan kecemasan dan hal-hal penting perlu mengemukakan surat dan mendapat kelulusan daripada Pengarah PKS terlebih dahulu.
- c) Pendaftaran asrama bagi pelajar Semester 2, 3, dan 4 yang ditawarkan asrama adalah ditangguhkan ke suatu tarikh yang akan dimaklumkan kelak.
- d) Sekiranya, pelajar seperti perkara (ii)(c) di atas mempunyai masalah untuk mengikuti PdP secara dalam talian di rumah masing-masing (masalah liputan internet), maka pelajar hendaklah mengemukakan permohonan mendiami asrama melalui Ketua Jabatan masing-masing dan mendapatkan kelulusan Pengarah sebelum mendaftar ke asrama.
- e) Akan tetapi, perkara pada para (d) di atas hanya terpakai kepada pelajar yang berasal dari dalam Sarawak sahaja. Manakala pelajar yang berasal dari

Sabah, Labuan, Semenanjung dan mana-mana kawasan Zon Merah adalah **TIDAK DIBENARKAN** kembali ke asrama sehingga suatu tarikh yang akan dimaklumkan kelak.

- f) Pelajar dari Luar Sarawak yang telah mendaftar asrama sebelum 4 Oktober 2020 dikehendaki menjalani *swab test* dan akan dikuarantin mengikut SOP kuarantin sehingga keputusan *swab test* tersebut keluar.
- g) Pelajar Perempuan akan dikuaranti di Bilik 101 Blok E. Manakala pelajar Lelaki akan dikuaranti di Bilik 107 Blok E.

**(iii) Pengurusan Keluar Masuk Kampus**

- a) Pelajar harian dan pelajar asrama akan dibezakan melalui pelekat khas yang diletakkan pada Kad Pelajar.
- b) Pelajar harian **TIDAK DIBENARKAN** memasuki kawasan kampus selepas jam 5:00 petang.

**(iv) Hal-Hal Lain**

- a) Semua pelajar melalui Penasihat Akademik / Ketua Jabatan masing-masing dikehendaki mengemaskini alamat semasa pengajian, alamat tetap, no telefon bimbit dan nombor akaun pada atau sebelum 7 Oktober 2020 (Rabu). Maklumat berkenaan hendaklah diserahkan kepada En.Thandayuthapani (Ketua Unit Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja PKS) untuk tujuan rekod pihak JK Kawalan Wabak Covid-19 PKS.
- b) Pegawai yang bercuti atau menjalankan urusan rasmi di luar Sarawak dan telah tiba di Kuching dalam tempoh 1 Oktober – 3 Oktober 2020, diminta agar memohon BDR selama 7 hari melalui Ketua Jabatan masing-masing.
- c) Bilik Gerakan Covid-19 akan melaporkan status isu berkaitan warga PKS dari semasa ke semasa.

Pengerusi

JK Kawalan Wabak Covid-19 PKS

4 Oktober 2020, 2:00 petang